BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# SIARAN AKHBAR

**Ref. No.: 11/17/19**

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Khamis, 30 November 2017**

## SOROTAN BULANAN – OKTOBER 2017

**Kadar inflasi lebih rendah pada bulan Oktober**

- Inflasi keseluruhan pada bulan Oktober menurun kepada 3.7% disebabkan terutamanya oleh inflasi *pengangkutan* yang lebih rendah pada 12.1% (September: 15.8%).
  - Meskipun purata harga petrol RON95 rendah sedikit pada RM2.18 seliter pada bulan Oktober (September: RM2.19 seliter), asas harga RON95 yang lebih tinggi pada bulan Oktober 2016 (RM1.80 seliter) berbanding dengan bulan September 2016 (RM1.70 seliter) telah menyebabkan inflasi yang lebih rendah dalam kategori *pengangkutan*.
- Inflasi teras pada bulan Oktober juga lebih rendah pada 2.3% (September: 2.4%).
  - Inflasi barangan teras yang lebih rendah adalah menyeluruh, dengan jumlah barangan yang mencatat kenaikan yang tinggi semakin berkurang.

**Pasaran kewangan kekal stabil pada bulan Oktober dalam keadaan ketidaktentuan di AS**

- Pasaran kewangan Malaysia secara relatif stabil pada bulan Oktober 2017. Hal ini berpunca daripada sikap pelabur yang berhati-hati dalam urus niaga mereka sebelum pengumuman pengerusi baharu Federal Reserve dan resolusi belanjawan AS 2018 yang dijangka membawa kepada pembaharuan cukai.
- Perkembangan di atas juga telah menyebabkan pergerakan yang kecil dalam pasaran ringgit dan ekuiti.
- Walau bagaimanapun, kadar hasil pasaran bon mengalami kenaikan di tengah-tengah aliran keluar bukan pemastautin sebanyak RM2.2 bilion.

**Pertumbuhan pembiayaan bersih mampan untuk menyokong aktiviti ekonomi**

- Pertumbuhan pembiayaan bersih terus mampan sebanyak 6.5% pada bulan Oktober (September: 6.6%). Pertumbuhan terbitan bon korporat terkumpul bersih meningkat kepada 12.0% (September: 10.9%), manakala pertumbuhan pinjaman terkumpul sistem perbankan menjadi sederhana kepada 4.6% (September: 5.2%).
- Pertumbuhan pinjaman yang lebih sederhana ini disebabkan oleh sektor perniagaan (Oktober: 4.1%; September: 5.8%). Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam pembayaran balik pinjaman berbanding dengan pinjaman yang dikeluarkan.

**IIP bersih terus positif pada suku ketiga 2017**

- Kedudukan aset bersih IIP Malaysia adalah sebanyak RM21.5 bilion. Jumlah ini bersamaan dengan 1.6% daripada PNK pada akhir bulan September 2017 (akhir bulan Jun 2017: RM42.3 bilion; 3.2% daripada PNK).
- Kedudukan aset bersih Malaysia menambah daya tahan terhadap pelbagai kejutan, termasuk kemungkinan aliran keluar yang berkaitan dengan liabiliti luaran.

**Permodalan sistem perbankan kekal kukuh**

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi apa-apa kejutan makroekonomi dan kewangan yang buruk. Daya tahan Ini disebabkan oleh terdapatnya lebihan penampan modal sebanyak RM135 bilion pada bulan Oktober 2017.
- Lebih 75% daripada jumlah modal terdiri daripada modal penyerap kerugian yang berkualiti tinggi dalam bentuk modal CET-1 (iaitu ekuiti, perolehan tertahan dan rizab).

**Bank Negara Malaysia**
**30 November 2017**


Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA


# Sorotan Bulanan
Oktober 2017

## Kadar inflasi lebih rendah pada bulan Oktober

**Inflasi keseluruhan, teras dan pengangkutan**




**Rebakan inflasi teras secara bulanan**





Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran staf

- Inflasi keseluruhan pada bulan Oktober menurun kepada 3.7% disebabkan terutamanya oleh inflasi *pengangkutan* yang lebih rendah pada 12.1% (September: 15.8%).
  - Meskipun purata harga petrol RON95 rendah sedikit pada RM2.18 seliter pada bulan Oktober (September: RM2.19 seliter), asas harga RON95 yang lebih tinggi pada bulan Oktober 2016 (RM1.80 seliter) berbanding dengan bulan September 2016 (RM1.70 seliter) telah menyebabkan inflasi yang lebih rendah dalam kategori *pengangkutan*.
- Inflasi teras pada bulan Oktober juga lebih rendah pada 2.3% (September: 2.4%).
  - Inflasi barangan teras yang lebih rendah adalah menyeluruh, dengan jumlah barangan yang mencatat kenaikan yang tinggi semakin berkurang.

## Pasaran kewangan kekal stabil pada bulan Oktober dalam keadaan ketidaktentuan di AS

**Prestasi Pasaran Kewangan pada bulan Oktober**





Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia

- Pasaran kewangan Malaysia secara relatif stabil pada bulan Oktober 2017. Hal ini berpunca daripada sikap pelabur yang berhati-hati dalam urus niaga mereka sebelum pengumuman pengerusi baharu Federal Reserve dan resolusi belanjawan AS 2018 yang dijangka membawa kepada pembaharuan cukai.
- Perkembangan di atas juga telah menyebabkan pergerakan yang kecil dalam pasaran ringgit dan ekuiti.
- Walau bagaimanapun, kadar hasil pasaran bon mengalami kenaikan di tengah-tengah aliran keluar bukan pemastautin sebanyak RM2.2 bilion.

## Pertumbuhan pembiayaan bersih mampan untuk menyokong aktiviti ekonomi

**Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat**





Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pertumbuhan pembiayaan bersih terus mampan sebanyak 6.5% pada bulan Oktober (September: 6.6%). Pertumbuhan terbitan bon korporat terkumpul bersih meningkat kepada 12.0% (September: 10.9%), manakala pertumbuhan pinjaman terkumpul sistem perbankan menjadi sederhana kepada 4.6% (September: 5.2%).
- Pertumbuhan pinjaman yang lebih sederhana ini disebabkan oleh sektor perniagaan (Oktober: 4.1%; September: 5.8%). Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam pembayaran balik pinjaman berbanding dengan pinjaman yang dikeluarkan.

## IIP bersih terus positif pada suku ketiga 2017

**Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (IIP) Bersih Malaysia**





Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Kedudukan aset bersih IIP Malaysia adalah sebanyak RM21.5 bilion. Jumlah ini bersamaan dengan 1.6% daripada PNK pada akhir bulan September 2017 (akhir bulan Jun 2017: RM42.3 bilion; 3.2% daripada PNK).
- Kedudukan aset bersih Malaysia menambah daya tahan terhadap pelbagai kejutan, termasuk kemungkinan aliran keluar yang berkaitan dengan liabiliti luaran.

## Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

**Nisbah Kecukupan Modal**




Sumber: Bank Negara Malaysia

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi apa-apa kejutan makroekonomi dan kewangan yang buruk. Daya tahan Ini disebabkan oleh terdapatnya lebihan penampan modal sebanyak RM135 bilion pada bulan Oktober 2017.
- Lebih 75% daripada jumlah modal terdiri daripada modal penyerap kerugian yang berkualiti tinggi dalam bentuk modal CET-1 (iaitu ekuiti, perolehan tertahan dan rizab).